



Ruj. Kami : JP.BK.500-4/5/1 JLD. 3 ( 7 )  
Tarikh : 26 Mac 2024

## SEPERTI SENARAI EDARAN

Tuan/ Puan,

## PERMOHONAN PENANGGUNGAN KERJA JABATAN PERTANIAN MALAYSIA

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas dan surat JP.BK.500-4/5/1 (63) bertarikh 1 Disember 2023 adalah berkaitan.

2. Sepertimana tuan/ puan sedia maklum, peraturan penangguhan kerja disediakan untuk disesuaikan dengan pelaksanaan Sistem Saraan Malaysia dan Peraturan 44 dalam Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005 [P.U.(A)176/2005] yang menetapkan bahawa seseorang pegawai boleh diarahkan menanggung kerja tugas jawatan lain apabila dikehendaki demi kepentingan perkhidmatan tertakluk kepada kelulusan pihak berkuasa yang berkenaan.
3. Dalam hal ini, permohonan penangguhan kerja adalah mengikut **Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM), Ceraian PO.1.1.6 'Peraturan Penangguhan Kerja Perkhidmatan Awam'** dan dilaksanakan melalui Sub Modul Penangguhan Kerja Pegawai di dalam sistem HRMIS mulai 1 Mac 2023.
4. Sehubungan dengan itu, Pentadbir Penangguhan Kerja di peringkat Ibu Pejabat hendaklah memastikan permohonan penangguhan kerja dikemukakan kepada Bahagian Khidmat Pengurusan **dalam masa 14 HARI DARI TAMAT TEMPOH kelayakan penangguhan kerja** bagi melancarkan proses permohonan penangguhan kerja. Tempoh kelayakan permohonan penangguhan kerja adalah 28 hari (bagi kali pertama) atau 14 hari (bagi kali kedua dan seterusnya) dari tarikh arahan penangguhan kerja.
5. Walau bagaimanapun, didapati masih terdapat Bahagian yang **lewat** mengemukakan permohonan penangguhan kerja dan mengemukakan permohonan yang **tidak lengkap** terutamanya Kertas Untuk Pertimbangan Ketua Jabatan Permohonan Pengecualian Peraturan Penangguhan Kerja. Ingin ditekankan bahawa kelulusan Ketua Pengarah Pertanian bagi Pengecualian Peraturan Penangguhan Kerja hendaklah diperolehi **SEBELUM** Memo Arahan Penangguhan Kerja dikeluarkan kepada pegawai yang menanggung kerja.

### ANDA KAMI UTAMAKAN



6. Pengecualian peraturan penangguhan kerja adalah seperti:

- i. pelanggaran **melebihi dua (2) gred** yang lebih tinggi,
- ii. organisasi berada di **lokasi berlainan dan melebihi lingkungan 25 km**,
- iii. peraturan penangguhan kerja bagi **kerja/tugas yang memerlukan kelayakan, kemahiran atau syarat khas** dan lain-lain syarat yang ditetapkan oleh skim perkhidmatan.

7. Ketidapatuhan perkara yang dinyatakan di para 4 dan 5 boleh menyebabkan permohonan penangguhan kerja Bahagian tuan/ puan kelak tidak dapat dipertimbangkan. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan lanjut, pihak tuan/ puan boleh menghubungi Unit Perjawatan dan Tanggung Kerja, Seksyen Perkhidmatan di talian 03-8870 3367/ 3329/ 3330/ 3332/ 3335 atau e-mel [perjawatanhq@doa.gov.my](mailto:perjawatanhq@doa.gov.my). Perhatian dan kerjasama pihak tuan/puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(SAIFUL NAZRI BIN A. RAHMAN)**

Bahagian Khidmat Pengurusan  
b.p. Ketua Pengarah Pertanian  
Jabatan Pertanian Malaysia

s.k.

Ketua Pengarah Pertanian

Timbalan Ketua Pengarah Pertanian (Pengurusan dan Regulatori)

KPP(BK)P

Fail Timbul


## **SENARAI EDARAN**

1. Pengarah  
Bahagian Pengembangan Pertanian
2. Pengarah  
Bahagian Kawalan Racun Perosak dan Baja
3. Pengarah  
Bahagian Pengurusan Sumber Tanah
4. Pengarah  
Bahagian Perancangan Strategik
5. Pengarah  
Bahagian Biosekuriti Tumbuhan
6. Pengarah  
Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman
7. Pengarah  
Bahagian Pembangunan Industri dan Tanaman
8. Pengarah  
Bahagian Pembangunan Modal Insan
9. Pengarah  
Bahagian Kejuruteraan Pertanian
10. Pengarah  
Bahagian Pertanian Bandar
11. Pengarah  
Bahagian Perkhidmatan Makmal
12. Ketua Unit Integriti
13. Ketua Unit Komunikasi Korporat
14. Ketua Unit Undang-undang
15. Pengarah  
Jabatan Pertanian Labuan

# Aliran Proses




## Permohonan Tanggung Kerja Pegawai di HRMIS2.0



# Aliran Proses



## Penamatan Awal Tanggung Kerja Pegawai di HRMIS2.0



# Aliran Proses



Perlanjutan/Sambung Tanggung Kerja Pegawai di HRMIS2.0

